

29 JUN 1998

KONSORTIUM-PINJAMAN/I

PINJAMAN KONSORTIUM PERKAPALAN PADA TAHAP SYARIKAT AKAN DIKURANGKAN KEPADA AS\$50 JUTA

PETALING JAYA, 29 Jun (Bernama) -- Jumlah pinjaman Konsortium Perkapalan Bhd pada tahap syarikat akan dikurangkan kepada AS\$50 juta (kira-kira RM200 juta) daripada AS\$230 juta (kira-kira RM920 juta) tahun ini, berikutan penjualan perniagaan perkapalan dan asetnya kepada Malaysian International Shipping Corporation Bhd (MISC) dengan harga AS\$220 juta (kira-kira RM880 juta) tunai.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini, pengerusi eksekutif kumpulan itu, Mirzan Mahathir berkata 70 peratus hingga 80 peratus pendapatan daripada penjualan itu akan digunakan bagi membayar balik pinjaman.

Jumlah pinjamannya juga akan berkurangan kerana pinjaman-pinjaman berkaitan dengan perniagaan perkapalannya akan "terkeluar" daripada lembaran imbangan tergabung syarikat itu ekoran penjualan kepada MISC itu, jelasnya.

"Kesudahannya nanti nisbah ekuiti hutang kami akan menjadi kurang daripada satu peratus," katanya.

Penjualan yang dijangka ditandatangani pada 31 Ogos, 1998 merangkumi keseluruhan modal terbitan dan berbayar PNSL Limited, 51 peratus daripada modal terbitan dan berbayar Asia LNG Transport Sdn Bhd dan Asia LNG Transport Dua Sdn Bhd, dan sembilan buah kapal serta dua kontrak membina kapal baru PNSL Bhd.

Bagaimanapun, penjualan ini tidak termasuk tiga syarikat dalam PNSL Limited Group, iaitu Rydex Industries Corporation, PNSL Agencies Ltd dan Anglo Eastern Ship Management Limited.

Naib presiden kanan kewangan kumpulan itu, Muhammad Fauzi Abdul Ghani berkata sementara jumlah pinjaman kumpulan akan berkurangan kepada RM240 juta daripada RM\$2.5 bilion tahun ini.

Menurut Mirzan sebahagian daripada pendapatan penjualan perniagaan perkapalan itu akan digunakan bagi perbelanjaan modal sebanyak AS\$20 juta (kira-kira RM80 juta) yang dirancangkan bagi tahun ini.

Berhubung kutipan hasil, beliau berkata ia masih berpatutan, sambil menambah bahawa kebanyakan daripada pelanggan syarikat itu ialah syarikat-syarikat multinasional yang sentiasa membayar tepat pada masanya.

Mirzan berkata kebanyakan masalah yang dihadapi berhubung dengan kutipan hasil datang daripada syarikat-syarikat kecil yang menghadapi kesulitan mudahtunai dan cuba memanjangkan tempoh bayaran mereka.

Menjawab satu soalan, Mirzan berkata setakat ini syarikat itu sentiasa beroleh keuntungan dan sedang mengambil langkah-langkah bagi memastikan keadaan ini berterusan bagi keseluruhan tahun kewangan berakhir 31 Disember, 1998.

Menyentuh tentang rancangan bagi perniagaan logistiknya, beliau berkata Konsortium Perkapalan sedang berusaha untuk menubuhkan sebuah bahagian khusus dalam setiap segmen perniagaan logistiknya bagi rantau ini.

Beliau juga berkata bahawa Konsortium Perkapalan akan menceburi dengan giatnya perniagaan logistik kontena yang mengangkut kenderaan bagi pembuat kereta di rantau ini.

-- BERNAMA

AD KY MA